

Friday, July 29, 2022

KEJOHANAN PENCAK SILAT SEDUNIA KE-19

# 4 lagi gangsa sekurangnya milik pesilat SG



**GANGSA SUDAH DIGENGHAM:** Pasukan seni regu lelaki negara, yang terdiri daripada (dari kiri) Affiz, Mustafar dan Nazrul, sudah dijamin sekurang-kurangnya pingat gangsa dalam Kejohanan Pencak Silat Dunia. — Foto-foto JIA XING

ZULAIQAH ABDUL RAHIM

zulabri@sph.com.sg  
Dari Melaka

**SEKURANG-KURANGNYA** empat lagi pingat gangsa berada dalam genggaman Singapura selepas satria negara berjaya mencatat kemenangan dalam pusirgan suku akhir di Kejohanan Pencak Silat Dunia 2022.

Di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) semalam, Muhammad Affiz Md Zakri, Muhammad Nazrul Mohd Kama dan Muhammadiinil Mustafar Bin Mohd Isa, yang membentuk pasukan seni regu lelaki negara, beraksi mantap untuk menempah tempat mereka dalam separuh akhir.

Persembahan mereka dinilai 9,950 mata, cukup untuk menumbangkan pasukan Vietnam (9,925 mata).

Affiz, 21 tahun, memberitahu *Berita Harian* bahawa persembahan mereka yang "lebih lancar dan kuat" mungkin memihakkkan kejayaan kepada Singapura, berbanding pasukan Vietnam yang kelebihan "seragam tapi agak robotik".

"Sejujurnya, kami rasa lega (dapat ke separuh akhir dan sekurang-kurangnya membawa ba-



**EMAS SEMAKIN HAMPIR:** Iqbal ketika heraksi dalam suku akhir acara seni tunggal putera di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) semalam.

lik pingat gangsa). Tapi, seperti yang dikatakan oleh rakan sepasukan, ia terpulang kepada kami warga pingat apa yang diingini," tambah anggota Perkhidmatan Negara itu, yang julung kalinya bertanding dalam kejohanan dunia.

Perjuangan Muhammad Iqbal Abdul Rahman untuk mempertahankan kejayaan berterusan selepas mencatat kemenangan senang melalui penyingkiran pada warga Canada, Rayyan Erahdin, yang mengakhiri persembahannya terlalu awal.

Dua lagi acara seni melayakkan diri ke separuh akhir.

Siti Nazurah Mohd Yusoff merakam 9,940 mata untuk menewaskan Pouukky Salermubpha dari Laos (9,885 mata) dalam seni tunggal puteri.

Muhammad Hazim dan Muhammad Haziq Mohd Zaque juga berhasil dalam suku akhir seni ganda putera mereka.

Persembahan bertenaga pasangan adik-beradik itu mengumpul 9,930 mata dan berjaya menumpaskan Vietnam (9,885 mata).

Mereka menyertai pasukan seni regu wanita negara - yang dianggotai Iffah Batrisya Noh, Amira

Sahrin dan Nur Ashikin Zulkifli - yang sudah mula ke separuh akhir kelmarin.

Awal sebelum itu, pasangan adik-beradik Muhammad Syahiran dan Muhammad Syamil Jeffry berjaya melepas pusingan sarungan acara tanding masing-masing.

Syahiran perlu berhempas-pulas untuk mengatasi warga Indonesia Ronaldo Neno 52-47, manakala Syamil menang besar 42-(11) menentang Brandon Stauff dari Amerika Syarikat.

Perjalanan pasangan seni ganda wanita pula berakhir dalam suku akhir. Nur Azlyana Ismail dan Sharifah Shazza Samsuri, yang meraih 9,905 mata, nyaris dikalahkan Vietnam (9,925 mata).

Sehingga akhbar ini dicetak, Singapura turut diwakili dalam tjuh lagi acara tanding semalam.

Kejohanan dunia itu akan sampai ke kemuncaknya pada Ahad ini.

